

Penyusunan penerbangan jalin kerjasama pintar: PM

Kerajaan mahu MAS dan AirAsia peroleh keuntungan laluan domestik

BH-18/3/2006

Oleh Fazli Abdullah dan Mohd Anwar Patho Rohman

GEORGETOWN: Penyusunan semula laluan penerbangan domestik antara Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia Bhd (AirAsia) bertujuan membentuk kerjasama pintar kedua-dua syarikat, sekali gus memperoleh keuntungan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata yang penting, kerajaan mahu kedua-duanya menjalin kerjasama pintar dan tidak menghadapi sebarang masalah.

"Keputusan itu dibuat selepas perbincangan kedua-dua pihak dan akan memberi kebaikan bersama," katanya pada sidang media selepas merasmikan Kompleks Pangkalan Polis Marin Wilayah Utara, di Batu Uban di sini, semalam.

Kelmarin kerajaan memaklumkan bahawa MAS akan menyediakan perkhidmatan premium untuk laluan utama, manakala AirAsia menawarkan penerbangan kos rendah bagi laluan sama.

Syarikat penerbangan tambang murah terbesar di Asia Tenggara itu juga diberikan hak laluan domestik bukan utama sejajar usaha kerajaan merasionalisasikan sektor penerbangan domestik.

Mengenai ancaman selesema burung, Abdullah berkata, kerajaan sentiasa berjaga-jaga bagi memastikan ia tidak menjadi wabak.

"Apa yang penting, kita jangan tunggu dan biar merebak. Bila dah teruk baru nak ambil tindakan. Itu bukan cara kita. Caranya, asal nampak dan ada potensi akan menyebabkan masalah, maka tindakan diambil," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Abdullah berkata, Kerajaan Pulau Pinang meluluskan tanah seluas empat hektar bersebelahan Pangkalan Polis Marin di Batu Uban untuk pembinaan pusat latihan pasukan itu.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri mahu Polis Marin bekerjasama dengan pasukan pengawal pantai lain termasuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) mengawal perairan negara.

Katanya, walaupun ada pelbagai pasukan, kerjasama dan penyelarasan penting bagi mengelak salah faham sehingga menjejaskan tugas menjaga keselamatan.

Sementara itu, ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Warga Universiti Sains Malaysia (USM) Bersama Perdana Menteri, di Masjid Al-Malik Khalid USM selepas solat Jumaat, beliau berkata, kerajaan mahu melahirkan ribuan Ulul Albab, iaitu saintis yang memiliki ilmu dan kemahiran seimbang dalam bidang sains dan teknologi serta kekuatan fizikal, mental serta rohani.


Perdana Menteri berkata, Ulul Albab perlu ditambah kerana pengetahuan mereka penting untuk membantu memajukan negara dan masyarakat.

"Orang pernah tanya siapa golongan Ulul Albab. Pada saya, Ulul Albab adalah saintis, mempunyai ilmu pengetahuan mendalam mengenai perkara yang ada hubung kait dengan alam yang dicipta Allah SWT yang semua di dalamnya memberi manfaat kepada kita.

"Mereka perlu ditambah bukan sekadar beberapa ratus, malah ribuan. Tidak rugi jika ditambah sehingga mencatat angka ribuan kerana mereka dapat membantu memajukan negara dan masyarakat.

"Ini yang perlu kita usahakan dan universiti adalah tempat Ulul Albab dilahirkan kerana jika kita dapat lahirkan lebih ramai, insya-Allah kita akan menjadi negara maju, aman dan rakyat bahagia," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri gembira dengan pencapaian peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan Sijil



LANGKAH BERGAYA: Abdullah memeriksa perbarisan kehormat pasukan PDRM pada majlis perasmian Kompleks Pangkalan Polis Marin Wilayah Utara, di Batu Uban, Pulau Pinang, semalam.

Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) baru-baru ini.

"Saya gembira kejayaan anak-anak kita semakin baik, dan alhamdulillah semakin ramai yang mendapat keputusan tinggi. Mereka akan menjadi mahasiswa universiti yang akan diberi ilmu pengetahuan dan dididik untuk menjadi tenaga insan yang seimbang," katanya.

“MAS, AirAsia perlu memperjelaskan dan mendapat persetujuan bersama bagi menentukan definisi laluan utama dan laluan bukan utama**”**

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri